

# PERSEPSI MASYARAKAT ISLAM TERHADAP CADANGAN PERLUASAN KONSEP *AL-RIQAB* BAGI PEMULIHAN PESAKIT MENTAL: SATU TINJAUAN AWAL

Nur Afidah, M. (Corresponding author)  
Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah  
Bukit Chandan, 33000, Kuala Kangsar  
Perak, Malaysia  
Tel: +6011-51116344 E-mail: [affymohd7@gmail.com](mailto:affymohd7@gmail.com)

Zul-kifli, H  
Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah  
Bukit Chandan, 33000, Kuala Kangsar  
Perak, Malaysia  
Tel: +6019-4114509 E-mail: [zul-kifli@usas.edu.my](mailto:zul-kifli@usas.edu.my)

---

## Abstrak

Islam merupakan sebuah agama yang *rahmah* dan sangat menitik beratkan kebajikan umatnya dari pelbagai aspek kehidupan. Hal ini dapat dibuktikan melalui rukun Islam itu sendiri, yang mana rukun Islam keempat adalah menunaikan zakat. Zakat adalah wajib ke atas setiap Muslim dan diberikan hanya kepada lapan golongan khas yang dipanggil asnaf iaitu fakir, miskin, *amil*, *muallaf*, *al-riqab*, *al-gharimin*, *ibn al-sabil* dan *fi sabilillah* melalui institusi zakat. Seiring dengan peredaran masa, institusi zakat masa kini menghadapi permasalahan fiqh yang bersifat kontemporari khususnya berhubung isu perluasan konsep *al-riqab* mengikut keperluan semasa. Tambahan lagi dengan adanya cadangan perluasan konsep *al-riqab* bagi pemulihan pesakit mental, ia menimbulkan tanda tanya dalam kalangan masyarakat tentang kewajaran cadangan tersebut. Kajian ini bertujuan mengkaji persepsi masyarakat Islam terhadap cadangan perluasan konsep *al-riqab* bagi pemulihan pesakit mental. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis dokumen serta temu bual berstruktur. Data seterusnya dianalisis menggunakan kaedah tematik. Hasil kajian mendapati bahawa responden terbahagi kepada dua kumpulan dalam memberi pandangan terhadap cadangan ini. Responden yang setuju berpandangan bahawa cadangan ini adalah wajar kerana keperluan kepada pembiayaan kos rawatan, manakala mereka yang tidak bersetuju pula berpendapat cadangan ini tidak wajar atas sebab tidak memenuhi kriteria *al-riqab*. Justeru, kajian ini mencadangkan agar pihak zakat mempertimbangkan cadangan perluasan konsep *al-riqab* bagi pemulihan pesakit mental. Kajian seterusnya perlulah menyentuh pendapat daripada para ilmuwan dan pakar dalam bidang tersebut.

**Kata kunci:** *Al-riqab*, Asnaf, kontemporari, Pesakit Mental, Zakat

## Abstract

Islam is a merciful religion that places great emphasis on the welfare of its people in various aspects of life. Furthermore, this is demonstrated by the fourth pillars of Islam; the payment of zakat. Paying zakat is obligatory for all Muslims and will be distributed through the zakat institution to eight special groups of zakat recipients known as *asnaf*, which include the poor (fakir), the needy (al-masakin), amil, muallaf, al-riqab, al-gharimin, ibn al-sabil, and fi sabilillah. Currently, zakat institutions are facing contemporary jurisprudential issues, especially regarding the issue of expanding the concept of *al-riqab* according to current needs. In addition, there is a suggestion to expand the concept of *al-riqab* for the rehabilitation of mentally ill people, which raises questions among the Muslim community about the relevance of the suggestion. This study aims to examine the perception of the Muslim community towards the proposed expansion of the *al-riqab* concept for the rehabilitation of mentally ill people. This qualitative study uses document analysis and structured interviews as data collection methods. The results of this study showed that the community was divided into two groups in giving their views about this proposal. The respondents who showed their agreement on the view mentioned that it is significant because of the need of financing of treatment cost, while those who showed disagreement said that this proposal is not significant because it does not meet the criteria of *al-riqab*. Therefore, this study suggests that the zakat institution consider the proposed expansion of the concept of *al-riqab* for the rehabilitation of mental patients. Future studies need to discuss on the opinions of scholars and experts in the field.

**Keywords:** *Al-riqab*, Asnaf, Mentally Ill, Zakat, Contemporary

---

## Pendahuluan

Islam merupakan sebuah agama yang *rahmah* dan sangat menitik beratkan kebajikan umatnya dari pelbagai aspek kehidupan. Bukan sahaja menjaga kebajikan individu malah agama Islam menuntut umatnya agar mengambil berat akan kebajikan masyarakat, demi menjaga hubungan sesama manusia seperti yang dianjurkan oleh potongan ayat al-Quran daripada surah Ali-‘Imran ayat 112:

Maksudnya: Mereka diliputi kehinaan di mana saja mereka berada, kecuali jika mereka berpegang kepada tali (agama) Allah dan tali (perjanjian) dengan manusia.

Tambahan pula hal ini dapat dibuktikan melalui rukun Islam itu sendiri yang mana rukun Islam keempat adalah menunaikan zakat. Zakat dari segi bahasa bermaksud suci, rahmat, berkat, berkembang dan terpuji (Muaz Omar, 2016). Al-Qaradhawi (1987) mentakrifkan zakat iaitu sejumlah harta tertentu yang diwajibkan oleh Allah SWT untuk diserahkan kepada orang-orang yang berhak iaitu dengan mengeluarkan jumlah atau kadar tertentu. Melalui definisi zakat, dapatlah dilihat secara jelas bahawasanya aspek kebajikan sangat diutamakan di dalam Islam.

Selain daripada instrumen kewangan yang lain seperti wakaf dan sedekah, lebih istimewa lagi zakat ini kerana ia adalah wajib dan diberikan hanya kepada lapan golongan khas yang dipanggil asnaf iaitu fakir, miskin, *amil*, *muallaf*, *al-riqab*, *al-gharimin*, *ibn al-sabil* dan *fi*

*sabilillah*. Golongan inilah yang mendapat hak sebagai penerima zakat sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Taubah:-

Maksudnya: Sesungguhnya zakat-zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para mu'allaf yang dibujuk hatinya, untuk (memerdekakan budak), orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai sesuatu ketetapan yang diwajibkan Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana (Al-Taubah, 9: 60)

Oleh yang demikian, bagi membantu golongan asnaf mendapatkan hak-hak tersebut dan juga memudahkan orang Islam yang lain supaya dapat menunaikan tanggungjawab, maka para pemerintah Islam telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan institusi-institusi pusat zakat di kawasan masing-masing. Sehingga hari ini, terdapat banyak institusi atau pusat pungutan zakat yang ditubuhkan dan beroperasi di setiap negeri di Malaysia.

Pada era pasca kemodenan ini seiring dengan arus kemajuan, mulalah timbul pelbagai jenis permasalahan bersifat kontemporari yang melanda umat Islam. Kebanyakan permasalahan tersebut berkisar pada isu-isu hukum fiqh dari segi perubatan seperti penggunaan pil cegah haid ketika melakukan haji atau umrah dan ubat kanser dari sel khinzir (Abul Harith, 2011). Selain itu, timbul juga isu yang lain seperti hukum mengucapkan ucapan tahniah terhadap perayaan agama lain, hukum memakan daging haiwan sembelihan ahli Kitab (Yahudi & Nasrani), hukum daging korban dimakan oleh *non-muslim* dan banyak lagi (Muhamad Syafiq, 2015).

Adapun permasalahan yang masih lagi mendapat tempat dalam ruang perbahasan berkaitan fiqh semasa adalah isu perluasan konsep dan makna golongan asnaf *al-riqab* mengikut keperluan semasa. Realitinya, ia bukanlah isu baharu. Akan tetapi di Malaysia isu ini masih dianggap baharu dan tidak semua masyarakat tahu dan faham Malah, beberapa pusat zakat di setiap negeri telah pun meluaskan definisi *al-riqab* sebagai inisiatif dan panduan untuk mengagihkan zakat kepada masyarakat yang tergolong dalam asnaf ini sebagaimana tertera dalam jadual di bawah:

Jadual 1: Tafsiran *al-riqab* mengikut setiap negeri di Malaysia

Negeri	Tafsiran <i>Al-riqab</i>
Johor	Merujuk kepada mereka yang dimiliki oleh tuannya dan ingin membebaskan diri masing-masing.
Pulau Pinang	Memerdekakan hamba termasuk juga melepaskan Muslim yang ditawan oleh orang-orang kafir.
Kedah	Memerdekakan hamba termasuk juga untuk melepaskan Muslim yang ditawan oleh orang-orang kafir.
Melaka	Hamba yang diberikan peluang oleh tuannya untuk menebus atau memerdekakan dirinya tetapi ia tidak mempunyai wang untuk tujuan tersebut.
Selangor	Seseorang yang terbelenggu di bawah sesuatu kuasa atau keadaan yang menjadi hambatan kepada dirinya bagi menjalani kehidupan yang lebih baik.
Perak	Hamba yang dijanjikan oleh tuannya akan mendapat kebebasan dengan bayaran tempoh yang ditentukan.
Sabah	Seseorang yang ditahan sebagai hamba atau belenggu yang memerlukan bantuan untuk membebaskan dirinya daripada apa-apa tanggungan yang telah dikenakan ke atas dirinya.
Sarawak	Hamba yang dijanjikan oleh tuannya untuk dimerdekakan dengan cara menebus dirinya dengan sejumlah wang. Dan juga, membebaskan kaum

	Muslimin daripada cengkaman perhambaan dan penaklukan sama ada dari segi fizikal, mental, kejahilan ataupun terkongkong di bawah penguasaan orang yang zalim.
Terengganu	Memerdekakan orang-orang Islam daripada cengkaman perhambaan dan penaklukan sama ada dari segi cengkaman kejahilan dan terbelenggu di bawah kawalan orang-orang tertentu.
Negeri Sembilan	Memerdekakan orang-orang Islam daripada cengkaman perhambaan dan penaklukan sama ada dari segi cengkaman kejahilan dan terbelenggu di bawah kawalan orang-orang tertentu.
Perlis	Memerdekakan orang-orang Islam daripada cengkaman perhambaan dan penaklukan sama ada dari segi cengkaman fizikal atau mental seperti cengkaman kejahilan dan terbelenggu di bawah kawalan orang-orang tertentu.
Kelantan	Memerdekakan orang-orang Islam daripada cengkaman perhambaan dan penaklukan sama ada dari segi cengkaman fizikal atau mental seperti cengkaman kejahilan dan terbelenggu di bawah kawalan orang-orang tertentu.
Pahang	Memerdekakan orang-orang Islam daripada cengkaman perhambaan dan penaklukan sama ada dari segi cengkaman fizikal atau mental seperti cengkaman kejahilan dan terbelenggu di bawah kawalan orang-orang tertentu.
Wilayah Persekutuan	Memerdekakan orang-orang Islam daripada cengkaman perhambaan dan penaklukan sama ada dari segi cengkaman fizikal atau mental seperti cengkaman kejahilan dan terbelenggu di bawah kawalan orang-orang tertentu.

Sumber: Azman Ab Rahman & Tengku Mansur (2016)

Dapatan kajian yang dilakukan Mohd Rilizam et.al (2018) mendapati bahawa beberapa kes yang dirujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat yang boleh dikategorikan sebagai asnaf *riqab* seperti yang digariskan oleh ulama mutaakhirin. Ia melibatkan pengabaian warga emas, mangsa penderaan kanak-kanak, kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah dan mangsa keganasan rumah tangga (Mohd Rilizam, 2018).

Selain itu, beberapa golongan baharu untuk dikategorikan sebagai layak menerima zakat di bawah asnaf *al-riqab*, salah satunya adalah pesakit mental (Amin Che Amat et al., 2020). Cadangan ini terhasil berdasarkan ‘illah ‘belenggu’ bagi mencapai Maqasid Syariah iaitu memelihara akal. Walaupun isu ini telah dibincangkan dan dikuatkuasakan di institusi zakat masing-masing, masyarakat awam masih belum memahaminya.

Kajian ini penting dalam mendapatkan gambaran atau persepsi masyarakat terhadap isu *al-riqab* serta segala bentuk usaha, inisiatif dan cadangan pihak yang berkenaan bagi menangani isu ini. Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2015 mendedahkan statistik yang menunjukkan bahawa satu per tiga rakyat Malaysia berumur 16 tahun dan ke atas berdepan masalah mental (Noor Atikah, 2020). Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengkaji persepsi masyarakat Islam terhadap cadangan perluasan konsep *al-riqab* bagi pemulihan pesakit mental

Pada dasarnya, masyarakat Islam sangat menyambut baik usaha pelbagai pihak untuk menyelesaikan isu konsep *al-riqab*, tetapi ada segelintir orang yang salah faham akan usaha tersebut sehingga boleh menimbulkan kekeliruan terhadap perkara ini sehingga ada yang beranggapan pihak berkuasa bertindak ‘mudah’ dalam meluaskan konsep *al-riqab* tanpa memikirkan kesan daripada tindakan tersebut.

## Metodologi Kajian

Tiga elemen utama di dalam metodologi merupakan elemen yang tidak boleh diabaikan bagi membuktikan kajian ini bersifat ilmiah, iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Dari segi reka bentuknya, kajian kualitatif menjurus kepada usaha untuk meneroka, menggambarkan atau memahami sebab-sebab fenomena tertentu (Koul et al., 2016) dan ini bersesuaian dengan isu yang dibincangkan. Penyelidikan kualitatif melibatkan kepelbagaian kaedah secara terfokus, termasuk penggunaan pendekatan naturalistik (semula jadi) untuk menyelidiki sesuatu subjek (Norman, 1994). Penyelidikan kualitatif juga adalah sebagai proses inkuiri ke arah pemahaman yang didasari kaedah pengumpulan data yang lazim digunakan apabila meninjau sesuatu permasalahan sosial (Creswell, 1994). Kaedah ini sesuai digunakan bagi kajian ini kerana data yang diperoleh lebih luas dan mendalam. Oleh yang demikian, dengan menggunakan kaedah ini ia mampu mendapatkan makna dan kefahaman mendalam terhadap kajian.

Dari segi pengumpulan data pula, kajian ini melibatkan dua jenis kaedah iaitu analisis dokumen dan temu bual bagi mengumpulkan data-data primer dan sekunder. Data primer adalah data yang dikumpulkan dengan objektif untuk mengenal pasti beberapa faktor khusus yang diperlukan oleh pengkaji. Data sekunder pula adalah data yang dikumpulkan oleh sumber maklumat yang sedia ada seperti akhbar, komersial televisyen atau mana-mana institut lain (Mommaerts, 2011).

Kaedah analisis dokumen adalah sebuah prosedur sistematik untuk menilai atau menyemak dokumen bahan bercetak dan bahan elektronik (Bowen, 2009). Pengkaji mengumpulkan maklumat berkaitan isu kajian untuk mengetahui dan memahami isu tersebut dengan lebih mendalam serta menyeluruh. Kaedah ini digunakan untuk mencari data-data yang berasaskan dokumentasi dan penulisan. Sumber ini berperanan untuk mendapatkan landasan teori sebagai panduan kepada untuk menyiapkan kajian ini. Maklumat diperoleh melalui bahan bacaan seperti tesis, kajian lepas yang berkaitan, jurnal, internet dan akhbar.

Menurut Creswell (2008), jenis dokumen yang dipilih bagi mengumpul data kualitatif perlulah yang boleh membekalkan maklumat untuk menjawab soalan kajian. Pengkaji menganalisis dokumen untuk membuat perbandingan perluasan makna *al-riqab* berdasarkan pandangan ulama kontemporari atau *mutaakhirin* pada tesis, jurnal dan kajian-kajian lepas. Analisis dokumen akan dibuat terhadap tiga buah dokumen iaitu jurnal Perluasan Konsep *Al-riqab* Dalam Pengurusan Zakat: Satu Penilaian Fiqh oleh Muhammad Ikhlas Rosele, Luqman Hj. Abdullah & Amirulhakim Ahmad Nadzri, artikel jurnal Golongan Gelandangan Di Malaysia: Antara Perluasan Tafsiran Asnaf *Ibnu Al-Sabil* dan *Al-riqab* oleh Muhammad Ammar Harith Idris & Mohd Anuar Ramli dan jurnal Pengurusan Agihan Zakat Asnaf *Riqab* Berdasarkan Realiti Semasa oleh Mohd Rilizam Bin Rosli, Hussin Bin Salamon & Azman Bin Ab Rahman.

Data temu bual berstruktur melibatkan perbualan antara pengkaji dengan subjek kajian bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang relevan. Ia dimaksudkan sebagai triangulasi bertujuan mengesahkan data atau maklumat yang diperoleh (Ismail, 2013). Kajian ini melibatkan 10 orang yang dipilih secara rawak untuk mendapatkan pandangan responden serta mengumpul data dan maklumat yang tidak dapat diperoleh daripada analisis dokumen. Kelebihan temu bual adalah penemu bual boleh menerangkan dengan jelas tujuan kajian dan jenis maklumat yang diinginkan (Maisarah, 2012).

Data yang bersumber daripada analisis dokumen dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan, manakala data hasil temu bual akan ditranskripsikan ke dalam bentuk tulisan. Data-data tersebut kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Analisis tematik merupakan antara kaedah kajian yang digunakan secara meluas di dalam penyelidikan kualitatif. Menurut Burns (1997) kategori pengekodan harus dibangunkan sebaik sahaja pengumpulan data pertama dilakukan. Setelah itu, data yang telah dianalisis, diterjemahkan dalam bentuk jadual. Analisis tematik adalah penting untuk menjanakan kategori yang melibatkan pelbagai tema.

## Sorotan Kajian

Jurnal bertajuk *Is Human Trafficking's Victim Receive Zakat as Riqab? Zakat Distribution at East Java Philanthropic Organizations* oleh Nur Ibadi dan Eja Armaz Hardi (2022), dihasilkan untuk menganalisis mangsa pemerdagangan orang di enam badan kebajikan di Jawa Timur dan menghuraikan faktor sokongan serta halangan dalam menentukan mangsa pemerdagangan orang sebagai *riqab*. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang mengambil pendekatan temu bual dan analisis dokumen sebagai kaedah pengumpulan data. Data tersebut kemudiannya dianalisis secara tematik. Hasil kajian mendapati mangsa pemerdagangan orang secara literal telah memenuhi kriteria sebagai golongan *riqab*, serta lembaga zakat Jawa Timur berpotensi untuk menyokong cadangan untuk mengagihkan zakat atas nama *riqab* kepada mangsa pemerdagangan manusia.

Seterusnya, jurnal *Perluasan Konsep Al-riqab Dalam Pengurusan Zakat: Satu Penilaian Fiqh* hasil karya Muhammad Ikhlas Rosele, Luqman Hj. Abdullah dan Amirulhakim Ahmad Nadzir (2021). Objektif kajian adalah mengkaji konsep *al-riqab* dalam perbincangan fiqh dan realitinya di Malaysia. Kajian ini berbentuk kualitatif dan menggunakan kajian kepustakaan sebagai kaedah pengumpulan data. Data pula dianalisis secara deduktif, induktif dan komparatif. Hasil kajian dapat mengemukakan penilaian fiqh terhadap perluasan konsep *al-riqab*.

Jurnal seterusnya bertajuk *Potentials Zakat Distributions to Asnaf Ar-Riqab: The Women Protection Centre* yang dihasilkan oleh Mohd Rilizam Rosli, Hussin Salamon, Arief Salleh Rosman, Mohd Ali, Mohd Farhan, Mohd Syukri, Sulaiman Shakib Mohd Noor, Nasrul Hisyam Nor Muhamad, Mohammad Naqib Hamdan, Bushrah Bashiron dan Ezwan Rafiq Hussin (2021). Objektif kajian adalah mengenal pasti tafsiran asnaf zakat *riqab* menurut ulama Islam kontemporari serta menganalisis pengurusan rumah perlindungan ibu hamil luar nikah. Kajian berbentuk kualitatif dan kaedah pengumpulan data pula adalah berdasarkan analisis dokumen. Kaedah analisis data pula dilakukan secara analisis secara tematik. Hasil kajian menunjukkan model pengurusan agihan zakat asnaf *riqab* ke tempat perlindungan dilakukan secara sistematik oleh institusi zakat di Malaysia.

Selain itu, kertas prosiding bertajuk *Cadangan Kontemporari Perluasan Konsep Al-riqab Bagi Pemulihan Pesakit Mental* hasil penulisan Amin Che Ahmat, Izatul Akmar Ismail, Che Zarrina Sa'ari, Abdul Munir Mohamed Noh (2020). Objektif kajian adalah untuk mengkaji sejauh mana golongan pesakit mental mempunyai kelayakan untuk diberikan dana tersebut di bawah kategori asnaf *al-riqab*. Reka bentuk kajian adalah kualitatif dan data dikumpul secara analisis dokumen. Kaedah analisis data yang diguna oleh pengkaji adalah analisis deskriptif, induktif dan deduktif. Hasil kajian mencadangkan perluasan konsep *al-riqab* kepada pemulihan pesakit mental kerana *illah* yang sama iaitu 'belunggu' bagi mencapai bagi Maqasid Syariah iaitu memelihara akal.

Jurnal Pengurusan Agihan Zakat Asnaf *Riqab* Berdasarkan Realiti Semasa hasil penulisan Mohd Rilizam bin Rosli, Hussin bin Salamon dan Azman bin Ab Rahman (2017) dibuat bagi mengkaji kaedah pengurusan yang sewajarnya dilaksanakan terhadap asnaf zakat *riqab*. Reka bentuk kajian berbentuk kualitatif, pengkaji menggunakan kajian kepustakaan dan temu bual separa berstruktur sebagai kaedah pengumpulan data. Data yang telah dikumpul kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan dan tematik. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa golongan yang dikategorikan sebagai asnaf hamba seperti mangsa keganasan rumahtangga, mangsa penderaan dan pengabaian kanak-kanak.

Tambahan pula, sebuah artikel kajian yang bertajuk Kedudukan Asnaf *Ar-Riqab* Dan Cadangan Kaedah Pengaplikasiannya di Negeri Perak oleh Azman Ab Rahman dan Tengku Mansur Zainal Abidin (2016). Objektif kajian ini adalah mengenali definisi-definisi *ar-riqab* yang dikemukakan para fuqaha dulu dan kini yang boleh aplikasi dalam sistem pengurusan agihan zakat. Kajian berbentuk kualitatif ini mengambil pendekatan analisis dokumen sebagai kaedah pengumpulan data. Data yang telah dikumpul dianalisis secara tematik. Hasil kajian mendapati definisi *ar-riqab* adalah individu yang ingin memerdekakan diri daripada terbelenggu di bawah satu kuasa yang menghalang kebebasan dirinya atau pembebasan daripada penaklukan sama ada dari segi cengkaman fizikal atau mental seperti perhambaan, kejahilan dan kelemahan ekonomi dalam konteks semasa.

Akhir sekali, jurnal Makna *Riqab* Sebagai *Mustahiq* Zakat Menurut Yusuf Al-Qardhawi dan Wahbah Al-Zuhaili hasil karya Arif Hidayat (2008), bertujuan mengetahui pemaknaan *riqab* sebagai *mustahiq* zakat serta persamaan dan perbezaan makna *riqab* sebagai *mustahiq* zakat. Kajian berbentuk kualitatif dan kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah kaedah analisis dokumen. Kaedah analisis data pula menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian mendapati Yusuf Al-Qardhawi mendefinisikan *riqab* sebagai manusia yang terbelenggu dan memerdekakan hamba, manakala Al-Zuhaili mendefinisikan *riqab* bukan sebatas mukatab atau hamba yang dibeli sahaja namun mempunyai pengertian yang lebih luas.

## **Dapatan Dan Perbincangan**

Kaedah temu bual yang dijalankan bersama responden bagi kajian ini telah direkod dengan menggunakan pita rakaman suara. Walau bagaimanapun, di samping merekod perbualan sesi temu bual, pengkaji juga mencatat segala isi penting temu bual bagi memudahkan proses transkripsi data rakaman. Kemudian, pengkaji membuat transkripsi bagi rakaman tersebut. Menurut Othman (2006), transkripsi rakaman temu bual yang dibuat sepenuhnya merupakan pangkalan atau sumber data yang terbaik. Setelah itu, pengkaji membuat proses pengekodan dengan membina kodifikasi berdasarkan tarikh dan transkrip temu bual. Hasil dapatan daripada temu bual bersama 10 orang responden mendapati sebahagian daripada mereka masih tidak memahami maksud *al-riqab*. Selain itu, terdapat responden yang masih terperangkap dengan pemikiran bahawa zakat hanya melibatkan orang miskin semata-mata.

Jadual 2 : Profil Responden

Responden	Jantina	Umur	Bangsa	Pendidikan (Kos)	Setuju/Tidak setuju
R1	Lelaki	22	Melayu	Ijazah Sarjana Muda Syariah Gunaan (Kepujian)	Setuju
R2	Perempuan	35	Bisaya	<i>Bachelor of Fashion Design and Textile (HONS)</i>	Tidak setuju
R3	Lelaki	21	Melayu	Diploma Bahasa Arab dan Pendidikan	Tidak setuju
R4	Perempuan	30	Melayu	Ijazah Sarjana Muda Perbankan Islam (Kepujian)	Setuju
R5	Lelaki	24	Bugis	Ijazah Sarjana Muda Syariah Gunaan (Kepujian)	Setuju
R6	Perempuan	37	Iranun	Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Dan Perakaunan Dengan Kepujian	Tidak setuju
R7	Lelaki	27	Bajau	Ijazah Sarjana Muda Dakwah dan Kepimpinan Dengan Kepujian	Setuju
R8	Perempuan	29	Bajau	Bachelor of Engineering Technology and Pharmaseutical	Setuju
R9	Lelaki	27	Dusun	Ijazah Sarjana Muda Pendarasan Islam	Setuju
R10	Lelaki	33	Bugis	Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian)	Tidak setuju

Sumber : Hasil temu bual Responden

Oleh kerana soalan temu bual adalah berulang dan berkait rapat antara satu sama lain, pengkaji telah menganalisis nota dan transkrip temu bual dengan teliti sehingga mendapati beberapa ketetapan lalu menghasilkan analisis kategori atau tema. Lima tema berdasarkan soalan temu bual adalah seperti berikut. Pertama, pengetahuan masyarakat terhadap maksud *al-riqab*. Kedua, kesedaran masyarakat berkaitan isu *al-riqab*. Ketiga, pendapat masyarakat tentang cadangan perluasan makna *al-riqab* bagi pemulihan pesakit mental. Keempat, pandangan masyarakat terhadap keperluan pengkhususan jenis penyakit mental yang sesuai bagi asnaf *al-riqab*. Kelima, kefahaman masyarakat terhadap fungsi sebenar pemberian zakat.

### **Pengetahuan Masyarakat Terhadap Maksud *Al-riqab*.**

Asnaf *al-riqab* merupakan salah satu daripada lapan golongan yang berhak menerima zakat fitrah. Klasiknya dari sudut bahasa, *al-riqab* berasal dari perkataan *al-raqabah* yang merujuk kepada hamba, kebanyakan ahli tafsir mendefinisikan *al-raqabah* sebagai hamba *al-mukatab* (Manzur, 2010). Secara umum, maksud asnaf *al-riqab* adalah hamba yang perlu



membayar sejumlah wang untuk memerdekakan dirinya. Pada zaman moden ini pula, makna *al-riqab* diluaskan konsepnya oleh beberapa pihak kepada cengkaman sama ada fizikal mahupun mental (Azman, 2016). Oleh kerana masyarakat Malaysia selalunya lebih mengenali atau mendengar golongan hamba berbanding terma *al-riqab*, hal ini menyebabkan kebanyakan daripada mereka berasa asing dengan terma asnaf *al-riqab*. Beberapa orang responden memberi kenyataan seperti berikut:

“Al-riqab? Saya pernahlah dengar tapi saya tidak berapa tahu sangat apa itu al-riqab.” R3412B9

“Tak tahu.” R4412B11

“Oh saya tidak tahu. *First time* saya dengar.” R6512B10

Kesimpulannya, walaupun dalam kalangan responden ada yang berlatarbelakangkan pendidikan agama tetapi telah dibiasakan dengan terma hamba sejak daripada awal pendidikan lagi. Contohnya, sub topik zakat dalam silibus pendidikan Islam di sekolah rendah dan sekolah menengah lebih banyak menggunakan perkataan ‘hamba’ bagi asnaf *al-riqab*. Hal ini menyebabkan masyarakat kelihatan seperti kurang berpengetahuan tentang istilah asnaf ini, walhal sebenarnya mereka faham dan tahu, cuma berbeza daripada sudut istilah sahaja.

### **Kesedaran Masyarakat Terhadap Isu Konsep *al-riqab***

Melalui soalan yang dikemukakan, pengkaji mendapat gambaran tentang kesedaran masyarakat terhadap isu konsep *al-riqab*. Masyarakat secara amnya kurang sedar tentang isu ini mungkin disebabkan ia hanya dibincang atau dibahas secara tertutup. Berdasarkan soalan tiga dan empat yang berkisar konsep *al-riqab* serta isunya, beberapa orang responden menjawab:

“Ooo faham faham. Saya baru tahu kalau pasal ni, jarang-jarang dengar.” R1212B18

“Maksudnya ada lah sudah pengganti golongan hamba ni?” R2212B20

“Ooo begitu pula, okey kemudian?” R3412B17

“Maksudnya *al-riqab* ni dah berbentuk moden ke cane?” R4412B18

“Ooo betullah sebab ketiadaan hamba tu yang buat pihak berkuasa pun bingung nak beri atau *distribute* camana kan. Kemudian?” R5512B19

“So *al-riqab* sekarang dah tak dipanggil hamba?” R6512B17

Kesimpulannya, responden secara majoriti menunjukkan bahawa mereka kurang cakna akan isu-isu semasa yang melibatkan asnaf *al-riqab*. Hal ini juga mungkin merupakan kesinambungan daripada tahap pengetahuan mereka terhadap makna terma *al-riqab*. Bila mana masyarakat berasa terma *al-riqab* terlalu ‘rumit’ untuk difahami, maka pendekatan mudah yang diambil oleh kebanyakan orang adalah tidak mengambil peduli dengan perkara tersebut. Responden juga bersetuju bahawa sebelum ini mereka kurang mengambil berat sangat akan isu semasa lebih-lebih lagi berkaitan isu agama, dek kerana berasa bahawa diri mereka cetek ilmu pengetahuan dalam bidang agama.

## **Pandangan Masyarakat Terhadap Cadangan Perluasan *al-riqab* Bagi Pemulihan Pesakit Mental.**

Cadangan ini terlahir daripada sebuah kajian bertajuk Cadangan Kontemporari Perluasan *l-Riqab* Bagi Pemulihan Pesakit Mental hasil karya Amin Che Mat, Izatul Akmar Ismail, Che Zarrina Sa'ari dan Abdul Munir Mohamed Noh (2020). Kajian ini mencadangkan agar pesakit mental juga dimasukkan sebagai golongan yang layak menerima zakat di bawah asnaf *al-riqab* bagi tujuan pemulihan mental. Hal ini adalah berdasarkan '*illah* 'belunggu' bagi mencapai maqasidsyariah iaitu memelihara akal. Cadangan ini juga disokong dengan penjelasan Ibn al-Munayyir, bahawa terdapat perbezaan penggunaan perkataan '*li*' dan '*fi*' dalam surah Al-Taubah ayat 60 dari sudut agihan. Bagi perkataan '*li*', dana zakat diberikan kepada asnaf dan menjadi hak milik mereka, golongan ini berhak untuk menggunakan dana tersebut mengikut kemahuan mereka. Manakala bagi perkataan '*fi*' menunjukkan bahawa golongan ini tidak perlu diberikan dana kepada mereka tetapi memperuntukkan dana bagi manfaat mereka (Al-Qardhawi, 1987).

Melalui soalan empat iaitu mengenai pandangan mereka terhadap cadangan ini, timbul pelbagai reaksi daripada responden. Responden menjawab seperti berikut:

“Ooo baik-baik. Pada pendapat sayalah, saya rasa cadangan ini wajar sebab yelah kos pembiayaan untuk rawatan dia gi hospital semua mesti mahal..pastu dapatlah bantu kurangkan beban keluarga dia dari segi kewangan tu.” R1212B25

“Kalau pada pandangan saya..aaa..bagi saya tidak wajar sebabkan kita emm *al-riqab* ni kan kita masih ibaratkan dia..ada sesetengah orang masih anggap dia sebagai golongan hamba atau pun hamba sahaya macam tu kan. Tapi emm bagi saya untuk memperluaskan tu *still* tidak berapa menepati kriteria *al-riqab*.” R2212B25

“Oh untuk orang sakit mental eh..bagi saya orang sakit mental ni tidak perlu..tidak layak mendapat zakat. Zakat ni kepada orang yang memerlukan sebab orang sakit mental tidak semestinya miskin. Kalau orang sakit mental tu miskin..okey dia layak mendapat zakat bagi sayalah. Aaa sebab orang sakit mental ada juga yang kaya. Faham kan?” R3412B21

“bagi saya, saya setuju sebab yelah kan pesakit mental ni kan dorang kategori orang yang..apa..tak boleh berfikir. maksudnya dorang tak normal kan cam kita. kalau dia nak digolongkan di bawah *al-riqab* tu, yang asalnya hamba..saya rasa sesuai je. sebab dia ada masalah macam kekangan lah, dia tak boleh kerja, dia tak berkemampuan, tak boleh berfikir..okey je.” r4412b23

“Umm bagi saya wajarlah..wajar. Sebab salah satunya kemungkinan..sakit mental ni ada banyak jeniskan. Kalau yang..kemungkinan ada pesakit mental yang teruk, jadi itu akan menyebabkan mereka..aaa..memerlukan dana yang lebih untuk membuat terapi, untuk memperbaiki diri dorang. Pastu yang kedua pula, mungkin disebabkan mental dorang ni..menyebabkan dorang susah untuk mencari punca pendapatan..susah nak berjumpa dengan orang dan sebagainya. Aaa macam tulah.” R5512B34

“Pada pendapat sayalah kan, macam..tidak berapa sesuai kalau digunakan asnaf *al-riqab* tu kan..digunakan untuk pesakit mental. Sebab macam pelik. Bukankah asnaf *al-riqab* ni lebih kepada ciri-ciri hamba yang mau memerdekakan dirinya, klasiknya lah kan. Jadi mau kata pesakit mental tu, macam tidak berapa kenal kriteria dia untuk digolongkan di bawah asnaf *al-riqab* ni. Saya tidak tahu kenapa..tapi saya memang rasa pesakit mental ni tidak berapa sesuai dianggap sebagai *al-riqab*.” R6512B24

“Ya, berdasarkan sebab itulah saya rasa cadangan itu wajar dan saya bersetuju..sebab ada *certain* pesakit mental adalah dalam golongan B40, so memang sangat perlu untuk dibantu.. dorang ni tidak mampu untuk bayar kos perubatan yang sebegitu tinggi. Jadi perlukan zakat, bantuan begitulah.” R7712B28

Berdasarkan jawapan daripada responden, seramai empat orang dalam kalangan mereka yang bersetuju dengan cadangan ini kerana keperluan kepada pembiayaan kos perubatan yang tinggi. Masyarakat sedia maklum akan kos rawatan bagi pesakit mental atau psikiatri boleh mencecah ribuan ringgit mengikut tahap keseriusan kes tersebut, hal ini akan memberi tekanan kepada ahli keluarga si pesakit. Asbab lain pula, ada responden yang mengiktiraf bahawasanya pesakit mental juga memenuhi kriteria asnaf *al-riqab* iaitu dari segi belunggu akal fikiran. Hal ini kerana kekangan dari segi akal fikiran tersebut menyebabkan pesakit mental susah untuk menjalani kehidupan seharian, apatah lagi hendak mencari pendapatan sendiri seperti orang lain.

Manakala responden yang tidak bersetuju dengan cadangan ini adalah seramai tiga orang, mereka secara majoriti menyatakan bahawa pesakit mental tidak memenuhi syarat atau kriteria asnaf *al-riqab* sama ada secara literal atau tidak. Ada juga yang berpendapat kebanyakan orang masih menganggap *al-riqab* ini adalah hamba sahaya, jadi cadangan seperti ini dikhuatiri akan menimbulkan kekeliruan dan ketidaksefahaman dalam kalangan masyarakat. Selain itu, responden lain juga ada menyatakan status kemampuan atau kewangan pesakit mental juga perlu diambil kira sebagai kriteria kelayakan mendapat asnaf.

Kesimpulannya, responden terbahagi kepada dua bahagian dalam memberi pandangan terhadap cadangan ini. Responden yang bersetuju menyatakan bahawa cadangan ini wajar kerana keperluan kepada pembiayaan kos rawatan pesakit mental, manakala responden yang tidak bersetuju pula berpendapat cadangan ini tidak wajar atas sebab tidak memenuhi kriteria *al-riqab* seperti yang digariskan oleh ulama' terdahulu.

### **Pandangan Masyarakat Terhadap Pengkhususan Jenis Pesakit Mental Yang Sesuai Bagi Asnaf *al-Riqab*.**

Umum diketahui terdapat banyak jenis penyakit mental di dunia ini, lebih kurang 183 jenis penyakit mental yang telah disenaraikan oleh pihak *Mental Health Center of America* di dalam artikel yang bertajuk *Alphabetical List of Mental Disorders* (MHCA, n.d.). Menurut Faizul, Naffisah, Erne Suzila dan Muhammad Iskandar (2018), sakit mental biasanya meliputi depresi, kegelisahan (*anxiety*) dan stres. Seorang pakar psikiatri dan pensyarah di Universiti Putra Malaysia, Michael Ang Jin mengatakan penyakit mental ini ada pelbagai rupa bentuk, paling teruk dan kebiasaannya termasuklah skizofrenia, *Major Depressive Disorder* dan *Bipolar Disorder* (Aslamiah, 2020).

Oleh itu, tidak hairanlah penyakit mental yang sering berlaku dalam kalangan rakyat Malaysia adalah kemurungan, keresahan, gangguan *bipolar* dan skizofrenia. Dalam hal ehwal pemberian zakat, dapat dikenal pasti beberapa golongan pesakit mental yang telah mendapat pengiktirafan oleh cawangan pusat zakat tertentu sebagai asnaf *al-riqab*. Salah satunya adalah golongan *gay*, biseksual, transgender dan lesbian (LGBT) di mana golongan tersebut memenuhi ciri-ciri 'terbelunggu' yang ditegaskan oleh Lembaga Zakat Selangor (Naufal, 2022). Tambahan pula, golongan LGBT tidak mempunyai kekangan dari segi lain seperti pesakit mental yang tidak waras, ada penyakit lupa yang teruk dan sebagainya sehingga menyukarkan mereka untuk menjalani kehidupan.

Lebih teruk lagi, akibat ketidakwarasan yang dialami oleh seseorang pesakit mental boleh menghilangkan *ahliyyah* untuk menguruskan harta apatah lagi menerima sumbangan berbentuk kewangan melainkan dengan pengawasan dari penjaga. Justeru, soalan kelima adalah berkisarkan pendapat masyarakat terhadap pengkhususan jenis pesakit mental yang sesuai bagi asnaf al-riqab. Antara jawapan yang diberikan oleh responden;

Saya bersetuju supaya pesakit mental ni dikhususkan sakit yang macam mana.. *before* dikategorikan sebagai al-riqab. Khususkan kepada pesakit mental yang *time line* dia agak panjang untuk sembuh, sebab ada pesakit mental yang boleh ja sembuh dalam masa yang tidak juga terlalu singkat dan tidak juga terlalu lama. R2212B38

Bagi saya untuk *al-riqab* ni kalau untuk pesakit mental...ikut status kewangan dia...walaupun dia sakit mental, kalau dia kaya...kita nda perlu bagi. nda kisahlah dia termasuk dalam kategori mana pun...kalau dia betul-betul miskin baru kita bagi...dia layak terima zakat. Maksudnya kalau contohlah...dia sakit mental dari kecilkah tapi keluarga dia kaya, jadi kita nda perlu bagi dia zakat sebab duit dia sudah cukup untuk tampung...maksud saya bukan tampung tapi *family* dia cukup kewangan, stabil...dia mau beli makan-makan semua ada. Haa jadi kita nda perlu bagi dia zakat..haa camtulah. R3412B37

Bagi saya perlu sebab tidak semua golongan pesakit mental ni perlukan memerlukan bantuan kewangan. Ada juga daripada mereka yang boleh mencari punca rezeki sendiri sebagai contoh pesakit mental *LGBT*, *transgender* dan sebagainya. Mereka ni tidak perlukan pun bantuan kewangan..yang mereka perlukan adalah dorongan dan ajakan yang dapat membantu dorang keluar daripada masalah dorang tu...dan bagi saya itu adalah tanggungjawab kita semua sebagai umat Islam untuk bantu dorang pulih balik. Kita kena nasihat, kita kena bantu dorang..aaa jadi bagi saya dorang tidak perlukan duit pun untuk pulih...jadi pendapat saya perlulah untuk di..apa..perlu..perlu ada golongan pesakit mental yang sesuai supaya dikategorikan sebagai asnaf al-riqab ni. R5512B43

Bagi sayalah kan, kalau pengkhususan ni...emm..dia sepatutnya dikhususkan lebih lagi kepada pesakit mental yang semula jadi..bukan semulajadi yang dari lahir-lahir lagi memang ada sakit mental. Sebab kalau *compare* dengan ada..yang..pesakit mental yang disebabkan tekanan..kan sebelum tu dia memang sudah merasakan kebebasan..lepastu dia ada sakit mental. Tapi saya rasa kalau yang begitu tu dia macam boleh pulih bah,faham kah? *And* dia masih ada duit..tapi kalau yang sakit semulajadi ni..yang dari kecil lagi dia tidak dapat rasa kebebasan tu dari awal lagi sebab dari lahir lagi sakit. Aah macam tu lah pendapat saya. R6512B37

Bilangan pesakit mental ni semakin lama semakin meningkat...kerana dengan kos sara hidup..pelbagai jenislah mental ni...so lebih baik kita buat secara *open* tidak perlu ada pengkhususan dalam penyakit ni..sebab sekiranya kita ada buat pengkhususan dalam suatu kategori...aaa dia ada kebaikan dan keburukan dia, tapi orang akan rasa tidak adil sekiranya...aaa penyakit mental ni contoh..kalau kita khususkan kepada penyakit mental yang kritikal dan mereka ini sahaja yang menerima zakat, dan orang yang tidak kritikal tidak menerima zakat...itu salah satu bentuk ketidakadilan bagi pendapat sayalah sebab penyakit mental ni perlu diubati secara dari awal haa... R7712B43

Berdasarkan jawapan responden, seramai lapan orang daripada jumlah responden bersetuju agar dilakukan pengkhususan terhadap jenis pesakit mental yang sesuai dikategorikan sebagai asnaf *al-riqab*. Responden yang bersetuju menyatakan bahawa tidak semua pesakit mental itu memerlukan bantuan sebab tahap keseriusan penyakit mereka juga berbeza. Selain itu, responden sangat menegaskan status kewangan seseorang pesakit mental sebelum mempertimbangkan kelayakan mereka untuk dikategorikan sebagai asnaf.

Manakala responden yang tidak bersetuju menyatakan bahawa pengkhususan ini tidak patut kerana boleh menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan pesakit mental yang lain. Pada pendapat mereka, golongan yang lain juga wajar dibantu tidak kira apa pun jenis penyakit mental mereka asalkan berkaitan dengan penyakit jiwa juga.

Kesimpulannya, responden terbahagi kepada dua bahagian iaitu bersetuju sebab tidak semua pesakit mental relevan untuk diberi bantuan kewangan dan tidak bersetuju kerana ia merupakan satu bentuk ketidakadilan.

### **Kefahaman Masyarakat Terhadap Fungsi Pemberian Zakat.**

Salah satu tujuan utama zakat diagihkan adalah membantu golongan yang tidak berkemampuan. Namun, itu bukanlah satu-satunya fungsi pemberian zakat. Pelaksanaan zakat ini mempunyai tujuan-tujuan syari'e yang memenuhi pelbagai aspek antaranya ibadah dan sosial seperti membersihkan harta yang dizakati. Dari segi ibadah, zakat menyucikan bukan sahaja harta yang diperoleh secara haram malah harta yang masih mempunyai hak orang lain ke atasnya. Harta yang berkaitan dengan hak orang lain adalah bersifat keruh dan kotor. Hal ini diisyaratkan oleh Nabi SAW di yang menjelaskan bahawa zakat tidak boleh diberikan kepada *ahlul bait* kerana zakat adalah kotoran harta manusia (BAZNAS, 2015). Selain itu dari segi sosial pula, zakat berfungsi menggalakkan pertumbuhan ekonomi umat Islam (Makhdum, 1999). Apabila pemberi zakat semakin bertambah hartanya kerana hikmah bersedekah adalah tidak mengurangkan harta si pemberi, maka ia memberi kemajuan dan kekuatan kepada ekonomi umat Islam. Hal ini berdasarkan surah Saba' ayat 39:

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya Tuhanku memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya di antara hamba-hamba-Nya, dan Ia juga yang menyempitkan baginya; dan apa sahaja yang kamu dermakan maka Allah akan menggantikannya; dan Dia lah jua sebaik-baik Pemberi rezeki."

Tambahan lagi, dengan ada wang secukupnya yang dimiliki oleh anggota masyarakat akan menggalakkan berlakunya jual beli demi keperluan hidup, sehingga daya beli terhadap barang semakin meningkat. Seterusnya, hal dapat meningkatkan pengeluaran yang memerlukan tenaga kerja yang besar dan menghapus pengangguran. Di samping itu, zakat juga dapat menghalang harta daripada bertumpuk di tangan-tangan orang kaya sahaja sebagaimana perintah Allah SWT dalam surah al-Hasyr ayat 7:

Maksudnya: ..agar harta itu jangan hanya beredar di antara orang-orang kaya saja di antara kamu. Apa yang diberikan Rasul kepadamu maka terimalah. Dan apa yang dilarangnya bagimu maka tinggalkanlah..

Fungsi lain zakat juga adalah berdakwah di jalan Allah SWT. Ini merupakan antara tujuan terbesar zakat kerana melalui zakat dapat menyebarkan agama Islam secara meluas dengan membantu golongan yang kurang bernasib baik dan sentiasa mengambil berat akan saudara seagama sehingga menyenangkan hati mereka dengan keindahan yang dipamerkan oleh agama Islam itu sendiri. Namun, rata-rata responden mempunyai stigma bahawa hanya orang yang tidak berkemampuan dari sudut kewangan sahaja yang layak dan sesuai untuk diberi bantuan. Pusat zakat juga dilihat hanya boleh membantu dari segi kewangan sahaja. Beberapa orang responden mengatakan;

..pembiayaan untuk rawatan dia gi hospital semua mesti mahal..pastu dapatlah bantu kurangkan beban keluarga dia dari segi kewangan tu. R1212B25

Kalau orang sakit mental tu miskin..okey dia layak mendapat zakat bagi sayalah. Aaa sebab orang sakit mental ada juga yang kaya. Faham kan? R3412B21

so emm..mungkin dengan adanya em..dorang ada zakat ni haa..so dorang boleh teruskan kehidupan..ada bantuan haa.. R8132B33

Emm..saya setuju kalau pesakit mental tu dia memang nda dapat apa..dia memang nda dapat cari sumber untuk dia hiduplah gitu..Itulah jawapan saya. *At least*, bila dapat zakat ni dia ada sumber untuk dia dapat duit. R9132B27

Berdasarkan jawapan responden, dapat dilihat dengan jelas majoriti responden berpendapat golongan yang berhak dan layak menerima zakat hanyalah fakir, miskin dan orang yang kurang bernasib baik. Hakikatnya, lapan golongan asnaf yang berhak menerima zakat seperti yang disebut dalam surah al-Taubah ayat 60 tidaklah berfokus kepada orang miskin sahaja. Contohnya, orang-orang yang belajar juga layak menerima zakat walau apa pun latar belakang atau status mereka. Bantuan yang diberikan oleh institusi zakat pula berbeza mengikut keperluan setiap asnaf. Kesimpulannya, responden kurang memahami tujuan dan fungsi sebenar pemberian zakat.

Hasil analisis temu bual telah dibahagikan kepada lima tema iaitu tema pertama adalah pengetahuan masyarakat terhadap maksud *al-riqab*. Kedua, tema kesedaran masyarakat terhadap isu konsep *al-riqab*. Tema yang ketiga adalah pandangan masyarakat terhadap cadangan perluasan makna *al-riqab* bagi pemulihan pesakit mental. Tema yang keempat adalah pandangan masyarakat terhadap pengkhususan jenis pesakit mental yang sesuai bagi asnaf *al-riqab*. Tema yang kelima pula kefahaman masyarakat terhadap fungsi pemberian zakat.

Secara keseluruhannya, responden agak kurang berpengetahuan mengenai konsep dan makna *al-riqab* itu sendiri berpunca daripada kebiasaan terhadap penggunaan perkataan asnaf 'hamba' berbanding *al-riqab*. Namun, responden masih lagi dapat memahami gambaran umum asnaf *al-riqab* cuma dari istilah dan perspektif yang berbeza. Kesenambungan daripada hal ini, responden secara amnya kurang kesedaran terhadap isu-isu yang berkisarkan konsep *al-riqab*. Oleh kerana terma *al-riqab* sahaja sudah dirasakan 'rumit', responden akhirnya tidak berapa mengambil berat akan isu *al-riqab*. Hatta isu lain yang berkait dengan agama juga masyarakat mengambil pendekatan yang sama.

Namun begitu, apabila ditanyakan pendapat berkaitan cadangan perluasan makna *al-riqab* bagi pemulihan pesakit mental, responden menunjukkan pelbagai reaksi dan pendapat yang berbeza. Responden yang bersetuju dan berpandangan bahawa cadangan ini wajar adalah disebabkan keutamaan kepada keperluan pembiayaan kos rawatan pesakit mental itu sendiri. Sebab lain yang menyokong kepada persetujuan terhadap cadangan ini juga adalah kesesuaian kriteria asnaf *al-riqab* dari segi belenggu akal fikiran.

Kemudian secara majoriti responden juga bersetuju jika cadangan perluasan konsep *al-riqab* itu diterima pakai, perlu kepada pengkhususan jenis pesakit mental yang sesuai dikategorikan sebagai *al-riqab*. Hal ini kerana bagi mereka tidak semua pesakit mental itu

layak menerima bantuan zakat. Bagi yang berpendapat sebaliknya menyatakan tidak patut dibuat pengkhususan tersebut kerana ianya tidak adil.

Akhir sekali, responden secara majoriti kurang memahami fungsi dan tujuan sebenar pensyariatkan zakat. Zakat kini hanya dilihat sebagai satu instrumen kewangan yang bertugas membantu golongan yang memerlukan atau tidak bernasib baik sahaja. Walhal zakat juga merupakan satu punca kritikal yang menyumbang kepada kesuburan ekonomi umat Islam jika dihayati dengan sebaiknya. Tambahan lagi, zakat juga merupakan satu medium dakwah yang sangat penting dalam sebuah negara Islam yang maju.

## **Kesimpulan**

Intihannya, berdasarkan hasil kajian dapat dilihat bahawa setiap masyarakat mempunyai pandangan yang berbeza dalam menanggapi cadangan perluasan makna *al-riqab* tersebut. Pesakit mental ini merupakan golongan yang menderita dengan sakit yang agak rumit dan tanpa disedari mengakibatkan kadar kematian semakin meningkat berpunca daripada kegagalan mendapatkan rawatan yang sepatutnya. Oleh yang demikian, hakikatnya pesakit mental ini juga boleh dipertimbangkan sebagai golongan yang memerlukan dari segi kewangan.

Implikasi daripada kajian ini ia dapat membuka mata pihak institusi zakat akan kepentingan dalam meneliti keperluan cadangan perluasan konsep *al-riqab* tersebut demi kemaslahatan umat Islam sendiri. Tambahan lagi, minda masyarakat menjadi lebih terbuka apabila mengetahui dan menyedari akan isu-isu kontemporari yang berlaku di sekeliling mereka, khususnya dalam bidang agama. Hal ini juga secara tidak langsung dapat menggalakkan masyarakat agar turut serta dalam menyelesaikan masalah baharu atau isu kontemporari yang timbul mengikut kemampuan masing-masing. Selain itu, kajian ini juga membantu masyarakat untuk memahami tujuan dan fungsi sebenar pemberian zakat yang mana ia bukan sahaja alat bantuan kewangan semata-mata tetapi zakat juga adalah elemen penting dalam pembangunan ekonomi umat Islam serta medium dakwah yang paling utama.

Pada keseluruhannya, dapatan kajian ini menghasilkan beberapa cadangan. Antaranya adalah mencadangkan kepada pihak zakat di semua negeri supaya mengambil kira atau mempertimbangkan cadangan perluasan konsep *al-riqab* ini. Hal ini sudah semestinya dapat membantu masyarakat Islam yang memerlukan dengan lebih berkesan serta memberi *effect* positif terhadap imej agama Islam secara tidak langsung. Kemudian, mencadangkan kepada pihak zakat agar memberi alternatif lain untuk membantu asnaf *al-riqab* selain daripada berbentuk kewangan. Seterusnya, kajian akan datang boleh menggunakan reka bentuk kajian yang sama tetapi berfokuskan kepada pandangan para ilmuwan. Pandangan dari ilmuwan boleh memberi nafas baharu dalam kajian ini kerana pada hakikatnya pendapat dari sudut pemikiran mereka adalah kritikal.

## Rujukan

- Abul Harith . (2011, September 13). *Koleksi Fatwa & Soal Jawab Isu Fiqh Perubatan Kontemporari* . Didapatkan dari Fiqh Medic: <https://fiqhmedic.wordpress.com/>
- Al-Qardhawi, D. M. (1987). *Fiqhul Zakat*. Singapura: Penerbitan Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Amin Che Mat, I. A. (2020). Cadangan Kontemporari Perluasan Konsep Al-Riqab Bagi Pemulihan Pesakit Mental. Seminar Kewangan Islam Kebangsaan 2020 (hlm. 31-41). Kedah: Lembaga Zakat Negeri Kedah.
- Aslamiah. (2020, August 28). Mental Illness in Malaysia. *Artikel UPM*.
- Azman, T. M. (2016). Kedudukan Asnaf Ar-Riqab dan Cadangan Pengaplikasiannya di negeri Perak. *Menelusuri Isu-isu Kontemporari Zakat*, 157-184.
- Bowen, G. A. (2009). *Document Analysis as A Qualitative Research Method*. *Qualitative Research Journal*, 27-40.
- Boyatzis, R. E. (1998). *Transforming Qualitative Information: Thematic Analysis and Code Development*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Burns, R. B. (1997). *Introduction to Research Methods. 3rd Edition*. South Melbourne: Addison Wesley Longman Australia.
- Creswell, J. W. (1994). *Research Design : Qualitative, Quantitative, and Mixed Method*. Thousand Oaks: SAGE Publications Inc.
- Creswell, J. W. (2008). *Educational Research- Planning, Conducting, and evaluating Quantitative and Qualitative Research, 3rd Edition*. Upper Saddle River: Pearson Education Inc.
- Ismail, R. (2013). *Metodologi Penyelidikan : Teori dan Praktis*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lebar, O. (2006). *Penyelidikan Kualitatif : Pengenalan kepada Teori dan Metode*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Maisarah, L. A. (2012). Pembentukan Jati Diri Kanak-Kanak Melalui Bahan Bacaan Bahasa Malaysia. *Jurnal Hadhari*, 77-102.
- MAIWP. (t.t). *Golongan Penerima Zakat*. Didapatkan dari Pusat Punugutan Zakat MAIWP: <https://www.zakat.com.my/info-zakat/golongan-penerima-zakat/>
- Manzur, I. (2010). *Lisan al-'Arab*. Al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.
- Merriam, S. B. (1998). *Case Study Research In Education : A Qualitative Approach*. San Francisco: Jossey-Bass Inc.



- MHCA. (n.d.). *Mental Health Center of America*. Retrieved from Alphabetical List of Mental Disorders: <https://mentalhealthcenter.com/alphabetical-list-of-mental-disorders/>
- Mohd Faizul, N. E. (2018). *Issues and Challenges of Mental Health in Malaysia*. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences* , 1685-1696.
- Mohd Rilizam, H. M. (2018). *Distribution Management of Zakat Fund: Recommended Proposal For Asnaf Riqab in Malaysia*. *International Journal of Civil Engineering and Technology (IJCIET)*, 56-64.
- Mommaerts, R. (2011, March 24). *File:Questionnaire 0001.jpg*. Didapatkan dari Wikimedia  
commons:[https://commons.wikimedia.org/wiki/File:Questionnaire\\_0001.jpg](https://commons.wikimedia.org/wiki/File:Questionnaire_0001.jpg)
- Muaz Omar, N. K. (2016). *Konsep Zakat dan Peranannya Terhadap Masyarakat Sejagat*. *Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference*. Bangi: KUIS.
- Muhamad Syafiq, A. T. (2015). *Menjawab Persoalan Isu Fiqh Semasa*. Didapatkan dari academia.edu:  
[https://www.academia.edu/17438475/Menjawab\\_Persoalan\\_Fiqh\\_Semasa\\_Kontemporari\\_](https://www.academia.edu/17438475/Menjawab_Persoalan_Fiqh_Semasa_Kontemporari_)
- Norman, Y. S. (1994). *Introduction: Entering The Field of Qualitative Research*. California: Sage Publication Inc.